

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, May 23, 2018 10:00 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Rebut Tawaran Kemuliaan Ramadan Daripada Allah



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

23 MEI 2018 / 7 RAMADAN 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Pusat Islam

REBUT TAWARAN KEMULIAAN RAMADAN DARIPADA ALLAH



UUM ONLINE: "Ramadan bulan yang berkat dan mulia, tawaran kemuliaan Allah sudah tawarkan kepada kita jadi orang yang sanggup mengambil kemuliaan (dengan beribadah) maka dia akan mendapat kemuliaan.

"Orang yang melaksanakan agenda Ramadan berhak mendapat kemuliaan, apabila Allah memuliakan dia maka hamba-hamba Allah turut memuliakannya."

Ucap Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, Ustaz Ahmad Faisol Omar dalam Ceramah *Ahlan Ya Ramadhan*, di Pusat Islam, semalam.

Jelasnya, keberkatan itu bermakna bertambah kebaikan atau *ziyadatul khair*, pahala berlipat ganda dan rezeki yang tidak diduga.

“Namun sesetengah orang tidak sempat belajar ilmu agama kerana ligan kerja dan pangkat namun kita bersyukur Allah memberkati kita dengan meluangkan masa kepada kita untuk mendekati majlis ilmu sebagai panduan hidup

“Setiap ibadah mempunyai keunikan dan puasa unik sikit daripada ibadah lain misalnya kalau kita sembahyang kita tidak boleh makan dan berjalan tetapi dalam berpuasa kita boleh melakukan perkara lain seperti bekerja, bersilaturahmi, berniaga, tidur dan semua ini tiada dalam ibadah lain,” ujarnya.

Menurutnya, umat Islam wajib menghormati kemuliaan bulan Ramadan dengan cara berpuasa, tidak makan di khalayak ramai dan tidak berniaga makanan kepada orang yang tidak berpuasa memandangkan pendapatan yang diraih adalah haram.

“Kita dituntut menjaga pancaindera seperti mata tidak melihat perkara maksiat, mulut tidak mengumpat, memaki dan mencarut, telinga tidak mendengar yang haram kerana boleh mengurangkan pahala puasa.

“Elakkan maksiat dan lakukan perintah Allah, gunakan masa yang cukup berharga pada waktu malam untuk melakukan ibadat jadi kurangkan tidur dan banyakkkan berjaga malam.

“Ibadat yang paling sesuai sebelum tidur ialah baca al-Quran dan bangun awal untuk sembahyang tahajud, taubat, istighfar, membaca quran sebelum bersahur,” pesannya pada program anjuran Bahagian Pengurusan Masjid, Pusat Islam.

Luahnya, Ramadan merupakan institusi, universiti, sekolah, madrasah yang mengajar kita menjadi insan yang pemurah bukannya kedekut lalu kebaikan itu datang kepada kita.

“Adakah pemurah hanya pada orang kaya? tidak, Allah buka kepada semua untuk jadi pemurah bukan sahaja duit tetapi apa saja pemberian yang boleh memberi manfaat kepada orang lain.

“Namun ramai yang faham sedekah itu mesti duit, sedangkan menjamu orang berbuka puasa juga dikira sedekah.

“Barangsiapa yang bagi makan kepada orang berbuka puasa maka dia mendapat pahala seperti mana orang itu berpuasa misalnya menjemput orang ke rumah untuk berbuka, pahala mereka semua dapat pada kita,” tambahnya.

Sarannya, sedekah yang terbaik ialah sedekah yang diberikan setiap hari walaupun sedikit misalnya setiap hari singgah di masjid sebelum ke pejabat untuk masukkan duit dalam tabung masjid.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.